

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN [ SUBANG ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah pemindaan kepada bil-bil seperti Akta Kerja 1955, Akta Kesatuan Sekerja 1959, dan Akta Perhubungan Perusahaan 1967, yang meliputi isu-isu seperti gaji minima dan diskriminasi tempat kerja, akan dilaksanakan pada tahun ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia sedang memuktamadkan (3) Rang Undang-Undang (RUU) iaitu RUU Kerja (Pindaan) 2019, RUU Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2019 dan RUU Kesatuan Sekerja (Pindaan) 2019. RUU ini dicadangkan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Parlimen Ke-14 pada bulan Oktober ini.
2. Berhubung gaji minimum, perkara ini sedang diperhalusi oleh Majlis Perundingan Gaji Negara sebelum diputuskan oleh pihak Kerajaan.